

## **RUMAHKU SYURGAKU**

Majalah Sinar Rohani, Mac 2002

Dalam keghairahan negara untuk mencapai matlamat pembangunan bangsa yang maju dan dinamik yang bersendikan pembangunan sains dan teknologi, tidak dapat dinafikan akan berlaku kesan-kesan sampingan atau pengaruh-pengaruh negatif dari budaya asing yang boleh merosakkan anak muda serta menggugat kestabilan dan kecemerlangan bangsa. Gejala mungkar yang berlaku dalam masyarakat hari ini terutama di kalangan muda mudi seperti pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah, mencuri, melepak, 'vandalisme' dan sebagainya adalah di antara bukti yang jelas terhadap perlunya para ibu bapa berusaha menanganinya.

Gejala-gejala seperti kerapuhan pegangan agama, kekosongan jiwa, kekurangan daya pemikiran di kalangan muda mudi, krisis rumah tangga, perilaku anak-anak yang liar, tiada pegangan hidup, tidak menghormati orang tua, lebih suka kepada kebebasan mutlak dan keseronokan serta hanyut dalam arus pengaruh kebudayaan asing yang lebih banyak merosakkan jiwa adalah akibat daripada kelonggaran disiplin dalam sistem kekeluargaan.

Sehubungan dengan itu Wawasan 2020 telah memberi penekanan penting mengenai perkara ini dengan menegaskan bahawa di antara cabaran-cabaran yang mesti diatasi bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang benar-benar berbudaya penyayang, adalah sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebajikan rakyatnya tidak diasaskan pada negara mahupun individu tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.

Satu hal yang menjadi keyakinan umum bahawa kebajikan seseorang insan adalah berpunca daripada sistem kekeluargaan yang berlandaskan agama. Menerusinya akan wujudlah sebuah masyarakat yang berilmu, berakhlak dan berbudaya mulia yang kemudian akan membentuk satu sistem sosial yang mantap dan dapat mendepani pelbagai cabaran.

### **Konsep dan falsafah "Rumahku Syurgaku"**

Konsep dan falsafah bagi mencapai matlamat rancangan Rumahku Syurgaku ini adalah berasaskan kepada syariat Islam yang merangkumi segenap aspek kehidupan. Di antara aspek-aspek yang ditekankan ialah membina kebahagiaan, meningkatkan daya intelek, mewujudkan suasana penghayatan Islam dan kedamaian dalam keluarga, penjagaan kesihatan, mewujudkan keselesaan dan keindahan dalam rumah, mengamalkan perhubungan yang baik dan berkesan serta membina sifat penyayang dan toleransi di kalangan anggota keluarga.

## **Membina Kebahagiaan**

Kebahagiaan adalah suatu yang abstrak yang lahir dari hati seseorang. Tanda kebahagiaan antaranya dapat dilihat apabila seseorang itu berasa tenang, suka dan gembira. Ini dapat dinilai melalui raut wajah dan tingkah lakunya.

Kebahagiaan adalah sesuatu yang amat penting kepada setiap insan. Ia menjadi suatu matlamat hidup seseorang di dunia mahupun di akhirat. Oleh itu mengapa setiap orang sanggup bersusah payah dan bermati-matian untuk mencari kebahagiaan. Sebaliknya kegagalan untuk mendapat kebahagiaan akan membawa kepada kekecewaan. Kita dapati, ramai orang menjadi gila kerana hidupnya tidak bahagia. Ada pula yang sanggup mati kerana gagal menemui kebahagiaan.

Hakikatnya kemuncak kebahagiaan sebenar dalam hidup seseorang itu ialah apabila ia telah berjaya melakukan kebaikan atau amal soleh serta menghindari segala bentuk larangan yang telah ditetapkan oleh Islam. Ciri utama yang menjadi ukuran masyarakat yang bahagia ialah mereka yang patuh kepada suruhan Allah secara terus menerus dengan penuh *khusyu'*.

## **Membina Intelek dan Meningkatkan Ilmu Pengetahuan**

Hidup dalam erti kata yang diperintahkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran, antaranya ialah untuk tidak melupakan kehidupan dunia. Untuk tidak mengabaikan urusan nasib di dunia ini setiap umat Islam mestilah mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan daya intelek masing-masing. Dengan itu mereka dapat menjangkau pelbagai keperluan, melepasi segala halangan dan rintangan serta mencapai ketinggian darjat menepati kehendak Islam sebagai agama yang tinggi. Kemuliaan Islam tidak memberi erti kalau kehidupan umatnya tidak berkualiti.

Ilmu pengetahuan itu mempunyai tiga kepentingan utama. Pertama: *membentuk peribadi muslim supaya dapat menjalani suruhan agama dengan sewajarnya.* Kedua: *membentuk sebuah umat yang kuat.* Ketiga: *mempertahankan kesucian dan ketinggian agama Islam.* Sekiranya umat Islam tidak mempunyai ilmu pengetahuan, kesucian dan ketinggian agama Islam akan terjejas.

## **Mewujudkan suasana penghayatan Islam dalam keluarga**

Islam telah meletakkan asas yang sempurna supaya rumah menjadi suatu tempat yang selesa kerana kebahagiaan itu bermula di rumah. Untuk menjadikan rumah sebagai syurga maka aktiviti-aktiviti seperti mendirikan

sembahyang secara berjemaah, membaca al-Quran, memberi salam ketika masuk dan keluar rumah dan sebagainya perlu dihidupkan bagi mewujudkan suasana yang harmoni di dalam sesebuah rumah tangga.

### **Mengekalkan kedamaian dan Kerukunan rumah tangga**

Rumah tangga bahagia ialah rumah tangga yang wujud unsur-unsur kedamaian dan keselesaan. Suami sebagai ketua keluarga berkewajipan memimpin isteri dan anak-anaknya menerusi kehidupan yang diredhai Allah SWT dengan memberi didikan agama dan menerapkan nilai-nilai murni kepada mereka.

Di antara unsur-unsur kedamaian di dalam rumah tangga ialah menanamkan sikap tolong menolong dan bantu membantu dalam keluarga, menjalinkan semangat kejiwaan yang baik, menunaikan tuntutan fardhu kifayah, mengadakan aktiviti rekreasi dan sebagainya. Semuanya ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan kasih sayang dan mewujudkan kemesraan dalam keluarga.

### **Mengukuh dan menjaga ekonomi rumah tangga**

Tidak dinafikan bahawa wang dan harta merupakan satu keperluan dalam kehidupan berumah tangga, lebih-lebih lagi di zaman yang serba mencabar ini. Boleh dikatakan hampir keseluruhan keperluan hidup memerlukan wang. Oleh itu Islam menyuruh umatnya bekerja kuat mencari kehidupan yang kukuh dan maju supaya dunia ini dipenuhi dengan kemakmuran.

Dalam memperkukuhkan kedudukan ekonomi rumah tangga, setiap keluarga mestilah menguruskan soal-soal perbelanjaan dengan jalan yang betul dan halal. Perkara-perkara yang menjadi tegahan agama seperti pembaziran, makan riba, rasuah, menipu, merompak dan sebagainya wajib di jauhi malahan Islam menyuruh umatnya supaya hidup bersederhana dan berjimat cermat serta mengutamakan keberkatan Ilahi. Rezeki yang diperolehi itu sepertiga daripadanya hendaklah dibelanjakan untuk maksud nafkah, satu pertiga untuk maslahat umur seperti zakat, sedekah dan seumpamanya dan sepertiga lagi adalah untuk tabungan atau simpanan untuk kegunaan di masa depan.

### **Mewujudkan keselesaan dan keindahan dalam rumah tangga**

Rumah tangga adalah tempat sesebuah keluarga menikmati hidup. Keselesaan dalam rumah amat mustahak kerana kebahagiaan keluarga itu bermula di rumah. Kebersihan di dalam rumah akan melahirkan suasana yang harmoni dan sejahtera kerana kebanyakan gejala sosial hari ini adalah berpunca dari kepincangan rumah tangga dan keadaan rumah yang tidak terurus.

## **Berkomunikasi secara baik**

Hubungan antara individu dalam keluarga adalah penting untuk menjamin keharmonian di dalam rumah tangga. Aspek hubungan antara individu atau komunikasi ini amat dititikberatkan oleh Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia..."*. (ali-Imran: 112)

Di dalam ayat di atas jelas menunjukkan unsur berhubungan amatlah penting untuk menjamin manusia mencapai kebahagiaan. Dalam mencapai tahap kesempurnaan sesebuah keluarga, setiap ahli keluarga hendaklah memahami diri dan peranan masing-masing serta menjalankan kewajibannya. Manakala bagi mengekalkan dan meningkatkan hubungan baik dalam keluarga pulak, aspek kemahiran komunikasi adalah sangat penting. Kebanyakan orang tidak peka dengan keperluan ini dan tidak mengambil inisiatif untuk memahami setiap permasalahan yang timbul dalam keluarga sedangkan pendekatan 'hikmah' seperti toleransi, pemaaf dan sebagainya amat dituntut oleh syarak.

## **Memupuk kasih sayang dalam keluarga**

Kasih sayang dalam keluarga adalah penting. Elemen ini perlu wujud dan disuburkan dalam sesebuah keluarga bagi melahirkan kedamaian, kesejahteraan dan kebahagiaan.

Banyak cara boleh dilakukan bagi mewujudkan perasaan kasih sayang dalam keluarga. Di antaranya ialah melalui didikan yang sempurna. Selain pendidikan secara formal yang diterima di sekolah, anak-anak juga perlu dibentuk dan ditanamkan dengan perasaan kasih sayang dan semangat kerjasama, tunjuk ajar, nasihat dan kaunseling yang membina. Lebih daripada itu anak-anak bukan sahaja perlu diajar supaya saling menyayangi sesama ahli keluarga, malah merasa sayang terhadap binatang peliharaan dan harta benda. Mereka hendaklah selalu diingatkan bahawa Allah SWT sangat suka kepada orang-orang yang mempunyai perasaan kasih sayang, suka bekerjasama dan tolong menolong sesama sendiri.

Sebaliknya Allah SWT benci kepada orang-orang yang sering bergaduh, bermusuhan-musuhan, tidak mahu bekerjasama dan benci-membenci sesama sendiri. Sekiranya berlaku perkara-perkara yang boleh merosakkan hubungan kasih sayang di dalam sesebuah keluarga, setiap ahlinya terutama sekali para ibu bapa hendaklah segera mencari jalan penyelesaian.

Sesungguhnya kasih sayang adalah sangat penting dalam sesebuah keluarga. Sekiranya dalam sesebuah keluarga itu tidak wujud satu ikatan yang baik dan harmoni, maka masyarakat akan menjadi pincang, lantas bangsa dan negara menjadi lemah. Apabila situasi ini berlaku kemajuan tidak akan dapat dicapai dan masyarakat penyayang tidak dapat diwujudkan.

## **Kesimpulan**

Rumahmu Syurgaku adalah satu wawasan negara yang berteraskan ajaran yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Rumah tangga sebagai satu komponen utama dalam pembentukan sesebuah masyarakat mestilah disempurnakan melalui piawai yang bersesuaian dengan ajaran Islam yang mengimbangkan antara keperluan rohani dan jasmani manusia. Bagi mencapai maksud syurga bagi sesebuah rumah tangga, maka semua petunjuk dan ajaran yang disebutkan perlulah diikuti dan dipatuhi dengan sebaik mungkin. Hal ini memerlukan perancangan yang rapi dan sikap yang positif di mana sesiapa yang gagal memenuhi disiplin dan peraturan-peraturan tersebut, maka rumah tangganya belum berjaya mencapai tahap kebahagiaan sebagaimana yang dituntut oleh Islam.